

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]
TARIKH :
SOALAN :**

Datuk Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan kes jangkitan virus Zika terkini dan nyatakan langkah Kementerian daripada segi pencegahan dan kawalan bagi menangani kes virus Zika ini dari merebak termasuk dari segi kesiapsiagaan dan respons di pintu masuk antarabangsa

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia telah memantau perkembangan wabak zika melalui kemasukkan pelancong asing di pintu masuk sempadan negara sejak awal tahun 2016. Antara langkah yang dilaksanakan di Pintu Masuk Antarabangsa adalah seperti berikut:-

1. Pemantauan pelancong asing di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) menggunakan *thermoscanner*, Sehingga 25 September 2016 seramai 4.1 juta pelancong asing telah disaring.

2. Anggota kesihatan yang bertugas di PMA telah diarahkan untuk melakukan pemeriksaan bagi semua pelancong yang datang dari negara-negara yang melaporkan jangkitan virus Zika. Semua pelancong yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika akan dirujuk ke fasiliti kesihatan.

Hebahan tentang perkembangan penularan kes Zika telah dikeluarkan di dalam kenyataan akhbar Kementerian Kesihatan secara mingguan yang dimuatnaik di laman sesawang rasmi KKM. Bilik Gerakan Zika juga telah dibuka bagi memantau kes Zika dan menyalurkan maklumat kepada orang ramai tentang perkembangan situasi Zika di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Daripada 1 September sehingga 8 Oktober 2016, sebanyak tujuh (7) kes Zika telah disahkan di negara ini. Oleh yang demikian, KKM juga telah melakukan kesiapsiagaan keseluruhan untuk mencegah jangkitan Zika di negara ini dengan melaksanakan perkara-perkara berikut :-

- i. Survelan klinikal untuk kes Zika di klinik kesihatan serta hospital kerajaan dan swsata.
- ii. Survelan makmal untuk mengesan kes Zika.
- iii. Survelan *microcephaly* dilaksanakan oleh Jawatankuasa pakar-pakar paediatik dan *Gullain-Barre Syndrome* dilaksanakan oleh pakar-pakar perubatan.

- iv. Tindakan pencegahan dan kawalan oleh Pejabat Kesihatan Daerah dan Jabatan Kesihatan Negeri.
- v. Kesiapsiagaan dan response Pintu Masuk Antarabangsa Negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Penularan virus Zika akan memberi implikasi terhadap negara ini dari segi ekonomi terutama dari sektor pelancongan di mana CDC Amerika Syarikat telah memasukkan Malaysia dalam senarai negara berisiko rendah kepada pelancong-pelancong dan menasihatkan ibu mengandung untuk tidak melawat negara dilanda Zika.

Pelabuhan di negara China juga telah mengarahkan agar kapal dari negara dilanda virus Zika perlu dibuat kawalan nyamuk sebelum berlabuh di pelabuhan. Ini akan menambahkan kos kepada kapal yang berlabuh di pelabuhan China.